

Lepasan mahasiswa, sekolah rebut peluang

Oleh SUFFIAN ABBAKAR

pengarang@utusan.com.my

MELAKA 25 April - Para mahasiswa dan lepasan sekolah digesa merebut peluang menyertai program latihan keusahawanan dan kebolehpasaran *Professional Training and Education For Growing Entrepreneurs* (PRO-TÉGÉ) yang diadakan di 14 buah institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara ketika ini.

Menerusi program itu, para mahasiswa dan mereka yang baru menamatkan persekolahan mampu mencari peluang pekerjaan serta latihan keusahawanan yang bersesuaian sebagai kerjaya mereka pada masa depan.

Ketua Sekretariat PROTÉGÉ, Norashikin Ismail berkata, Kementerian Pembangunan Usahawan yang melaksanakan program itu mendapati hanya 16,000 pelajar dan menyertai program tersebut sejak diadakan di 10 buah IPT di seluruh negara bermula pada 30 Mac lalu.

"Bagi kita ini satu kerugian kepada mahasiswa dan pelajar lepasan sekolah kerana program ini menyediakan pelbagai peluang kerjaya dan latihan secara percuma untuk direbut selain menawarkan platform terbaik dalam bidang kerjaya," katanya.

Beliau ditemui pada program Pameran Kerjaya Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 2019 di kampus induk universiti itu di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pela-



SEBAHAGIAN pelajar bersama Faizal Tahir (tengah), Nurulfajar Abd. Manap (barisan kedua, tujuh dari kanan) dan Norashikin Ismail (enam dari kiri) selepas program Pameran Kerjaya UTeM di Melaka baru-baru ini. - UTUSAN/AZLI AHAD

jar) UTeM, Prof. Madya Dr. Nurulfajar Abd. Manap.

Pelbagai acara diadakan sempena program yang diadakan selama dua hari itu antaranya taklimat peluang kerjaya, bengkel penulisan resume dan sesi motivasi serta persembahan daripada artis terkenal Faizal Tahir.

Mengulas lanjut, Norashikin berkata, PROTÉGÉ meneruskan program di empat lagi IPT iaitu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti

Putra Malaysia (UPM); Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebelum berakhir di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 2 Mei ini.

Dalam pada itu, Nurulfajar berkata, UTeM menyambut baik penganjuran program seperti ini banyak yang memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenali lebih banyak syarikat pembuatan khususnya berkaitan kejuruteraan.

"UTeM juga akan bekerjasama

dengan syarikat-syarikat besar yang dapat menyediakan kursus kemahiran dan peluang latihan supaya mahasiswa bersedia lebih awal untuk menempuh alam pekerjaan," katanya.

Beliau berkata, tahun lalu UTeM mencatatkan kebolehpasaran graduan yang tinggi iaitu lebih 70 peratus dan pihaknya berharap menerusi program seperti ini, kadar peratusan itu mampu mencapai 80 peratus.

REAKSI



"MENERUSI program pameran seperti ini, mahasiswa berpeluang mengengahkan kemahiran dan kelulusan masing-masing kepada syarikat-syarikat berpotensi untuk menjadi majikan mereka."

NOR SHUKRI JAWAHIR, 23.
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UTeM



"PROGRAM ini banyak membantu kami kerana ia membawa pelbagai syarikat yang berdaya saing bersesuaian dengan jurusan pilihan saya iaitu kejuruteraan tenaga termal."

CHOW AW LIN, 23.
Ahli Jawatankuasa Protokol Pameran Kerjaya UTeM



"SAYA mencadangkan supaya lebih ramai tokoh terkenal dibawa untuk berkongsi rahsia kejayaan mereka."

SITI NURADIBAH ZAINAL ABIDIN, 23.
Penuntut Fakulti Kejuruteraan Pembuatan